

GARIS PANDUAN PUSPAL



2015

(KANDUNGAN)

	Muka Surat
1. Tujuan	2
2. Latar Belakang	2
3. Tafsiran	3
4. Jawatankuasa Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (JK-PUSPAL)	7
5. Pengurusan PUSPAL	9
6. Kelayakan Pemohon	10
7. Pra Permohonan	10
8. Tatacara Permohonan	11
9. Penajaan	12
10. Larangan Mengadakan Persembahan Konsert Terbuka	13
11. Pas Lawatan Iktisas (PLIK)	13
12. Pembatalan Permohonan / Pertukaran ALN dan/ atau KLN /Pertukaran Tarikh	14
13. Pemantauan	14
14. Bidang Seliaan JK-PUSPAL	15
15. Permohonan yang tidak disokong	15
16. Tanggungjawab Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan	16
17. Tindakan Ke Atas Pelanggaran Garis Panduan PUSPAL	17
18. Kuasa Menteri	18
19. Tatacara Permohonan Serta Garis Panduan dan Peraturan Pengggambaran Filem (Lampiran A)	20
20. Tatacara Pemohonan Serta Garis Panduan dan Peraturan . Persembahan ALN (Lampiran B)	28
21. Carta Aliran Kerja Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan ALN (Lampiran C)	

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGAMBARAN FILEM DAN PERSEMBAHAN ALN

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan perkara-perkara berikut :

- 1.1 Dasar kerajaan mengenai tatacara permohonan bagi penggambaran filem dan persembahan Artis Luar Negara (ALN).
- 1.2 Menetapkan tatacara yang terperinci bagi pengambilan ALN mengikut kategori.
- 1.3 Menetapkan apa – apa peraturan yang perlu dipatuhi bagi tujuan mendapatkan kelulusan penggambaran filem dan persembahan ALN.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan keputusan Kabinet pada 2001, sebuah jawatankuasa agensi pusat ditubuhkan bagi menyelaras dan menimbangkan semua permohonan bagi penggambaran filem dan persembahan ALN. Proses permohonan penggambaran filem dan persembahan ALN hendaklah melalui satu proses setempat yang diurusetikan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (dahulunya dikenali sebagai “Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan”) (“Kementerian”).
- 2.2 Kerajaan melalui Kementerian, telah menubuhkan ;
 - 2.2.1 Agensi setempat untuk menyelaras permohonan penggambaran filem dan persembahan ALN yang dikenali sebagai Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL).
 - 2.2.2 Sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai JK – PUSPAL yang diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada tahun 2002 untuk mempertimbangkan permohonan penggambaran filem dan persembahan ALN yang melalui PUSPAL.
- 2.3 Sebuah buku Garis Panduan PUSPAL bagi memudahkan urusan telah dikeluarkan pada tahun 2005 dan ditambah baik masing-masing pada tahun 2007 dan 2010.

2.4 Mulai tahun 2002 hingga kini, PUSPAL telah diletakkan di bawah Kementerian seperti berikut;

Tahun 2002	-	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Tahun 2005	-	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
Tahun 2008	-	Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
Tahun 2009	-	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
Tahun 2013	-	Kementerian Komunikasi dan Multimedia

3. TAFSIRAN

Bagi maksud Garis Panduan ini, tafsiran berikut adalah diguna pakai bagi pengertian yang merujuk kepada:-

“**Agensi Kerajaan**” ertinya kementerian, jabatan atau badan berkanun Kerajaan Persekutuan yang merupakan jentera pentadbiran Kerajaan yang mempunyai kuasa mengikut fungsi masing-masing dan bertanggungjawab dalam membantu, menyelaras dan mengawal perjalanan serta memastikan segala urusan yang berkait dengan urusan persembahan kesenian dan kebudayaan dan/atau penggambaran filem berjalan dengan licin dan cekap;

“**Artis Luar Negara (ALN)**” ertinya individu atau sekumpulan individu bukan warganegara Malaysia dan bukan pemegang taraf penduduk tetap Malaysia yang mengadakan persembahan kesenian dan kebudayaan.

“**cukai pegangan**” ertinya cukai yang perlu dipotong dari bayaran tertentu yang dibayar atau dikreditkan kepada penerima bukan pemastautin (individu / badan selain individu) semasa di Malaysia seperti ditentukan di bawah Seksyen 109A, Akta Cukai Pendapatan 1967.

“**dadah**” ertinya apa – apa jenis dadah berbahaya atau bahan yang termasuk di bawah Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234];

“**ejen**” ertinya mana–mana entiti yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan PUSPAL yang bertindak sebagai wakil kepada pihak Penganjur / Syarikat Produksi Filem Tempatan bagi menguruskan kemasukan ALN dan/atau KLN;

“**filem**“ ertinya filem sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2, Akta Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia 1981 [Akta 244] iaitu termasuklah filem cereka, filem pendek, filem subjek ringkas, *trailer*, dokumentari, filem kecil iklan dan apa-apa rakaman pada apa-apa jenis bahan termasuk pita video dan ceper video berupa arca bergerak sama ada disertai dengan bunyi atau tidak untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai;

“**hiburan**” ertinya:

- a. suatu kegembiraan, kegirangan, kesenangan dan ketenteraman hati yang diperoleh oleh mana –mana orang daripada sesuatu perkara;
- b. suatu seni, kebolehan dan keupayaan untuk menghiburkan serta memberikan kepuasan dalam apa jua cara yang munasabah untuk menggirangkan mana–mana orang;
- c. suatu persembahan kesenian dan kebudayaan yang dipamer dan dipersembah kepada penonton;

“**Jawatankuasa Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (JK-PUSPAL)**” ertinya sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam mempertimbangkan permohonan penggambaran filem dan persembahan ALN;

“**kebudayaan** ” ertinya unsur-unsur budaya yang dikatakan budaya universal yang dapat dibahagikan kepada budaya peralatan bagi keperluan hidup manusia, sistem ekonomi, sistem sosial, bahasa, kesenian dan mainan, ilmu pengetahuan dan agama dan magis;

“**Kerajaan**” ertinya kerajaan Persekutuan;

“**kesenian**” ertinya karya seperti sajak, lukisan, muzik, dan lain –lain yang dicipta dengan bakat (kecekapan), hasil daripada sesuatu ciptaan dan perihal seni, yang berkaitan dengan seni, keindahan (kehalusan);

“**Kru Luar Negara (KLN)**” ertinya individu atau sekumpulan individu bukan warganegara Malaysia dan bukan pemegang taraf penduduk tetap Malaysia yang terlibat dengan sesuatu persembahan kesenian dan kebudayaan atau mengadakan penggambaran filem di Malaysia termasuk pengarah, juru kamera, juru mekap, kru, pegawai dan kakitangan serta apa-apa jawatan lain yang menjadi keperluan bagi sesuatu persembahan dan penggambaran filem;

“**Menteri dan Kementerian**” ertinya Menteri dan Kementerian yang bertanggungjawab tentang kemasukan ALN dan/atau KLN;

“**minuman keras**” ertinya minuman yang memabukkan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967 [Akta 235];

“negara” ertinya negara Malaysia, kecuali dinyatakan sebaliknya;

“Pemohon” ertinya pihak yang layak memohon persembahan ALN dan penggambaran filem dengan memenuhi syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 6 mengenai Kelayakan Pemohon.

“Penganjur” ertinya:

- a. mana – mana syarikat yang mengkhusus kepada penganjuran bagi menganjur mana – mana persembahan kesenian dan kebudayaan;
- b. mana-mana pihak pengurusan hotel atau premis penginapan pelancong atau premis hiburan yang ingin mengadakan persembahan ALN di hotel atau premis tersebut;
- c. mana–mana Agensi kerajaan atau pertubuhan berdaftar yang ingin menjalankan aktiviti penggambaran filem atau persembahan ALN;

“penggambaran filem” ertinya aktiviti penggambaran filem berbentuk wawancara, dokumentari, cereka, hiburan, iklan komersial dan/atau bentuk penggambaran lain yang dibuat di Malaysia oleh syarikat perfileman dari luar negara;

“perjudian” ertinya permainan yang berasaskan nasib atau kepandaian dan nasib bagi pertaruhan wang atau barang ganti wang dan termasuk apa-apa permainan seumpamanya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa;

“persembahan” ertinya:

- a. apa–apa aktiviti kesenian dan kebudayaan yang dilakukan berkaitan dengan seni persembahan sama ada di premis tertutup atau premis terbuka dan sama ada dikenakan bayaran masuk atau tidak;
- b. tempat – tempat aktiviti seni persembahan yang diadakan di:-
 - i. hotel;
 - ii. pusat hiburan;
 - iii. premis hiburan;
 - iv. pusat kebudayaan
 - v. stadium;
 - vi. stesen TV (rakaman);
 - vii. tempat-tempat lain yang difikirkan sesuai oleh JK-PUSPAL
- c. aktiviti artis yang melibatkan :
 - i. persembahan atau konsert di premis terbuka atau premis tertutup;

- ii. promosi album lagu dan filem artis; dan
- iii. promosi barangan atau produk;

“Pihak Berkuasa Tempatan” ertinya

- a. mana–mana pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan atau disifatkan telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];
- b. berhubung dengan Wilayah Persekutuan Labuan, ertinya pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan 1961 Sabah yang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984;
- c. berhubung dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah Seksyen 3 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [Akta 190]; dan
- d. termasuklah mana–mana orang atau kumpulan orang yang dilantik atau diberi kuasa di bawah mana–mana undang–undang bertulis untuk menjalankan dan melaksanakan kuasa dan fungsi yang diberikan dan dikenakan ke atas pihak berkuasa tempatan di bawah mana – mana undang –undang bertulis;

“premis terbuka” ertinya tempat awam atau mana–mana lapangan terbuka yang dikhaskan atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila–bila masa;

“premis tertutup” ertinya mana–mana tempat yang di atasnya ada apa – apa binaan atau struktur, mana-mana tempat atau bangunan sama ada sementara atau kekal atau mana-mana tempat lain yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan dan yang ke situ orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran;

“representasi” ertinya proses penyediaan fakta untuk pertimbangan JK-PUSPAL bagi tujuan mengekalkan keputusan atau sebaliknya;

“rokok” ertinya apa-apa keluaran yang terdiri sepenuhnya atau sebahagiannya daripada tembakau yang dipotong, dicarik atau dikilangkan, atau daripada apa-apa terbitan atau gantian tembakau, yang digulung dalam bungkus kertas tunggal atau lebih, dan yang boleh digunakan dengan serta-merta untuk dihisap;

“Syarikat Produksi Filem Tempatan” ertinya syarikat tempatan yang mempunyai lesen pengeluaran filem Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) yang dilantik oleh syarikat filem luar negara untuk menguruskan permohonan penggambaran filem;

“**tembakau**” ertinya pokok spesis Nicotina tabacum atau mana-mana bahagiannya, sama ada dalam keadaan belum diawet atau sudah diawet dan termasuk kacukan spesis ini, kacukan akibat daripada silangan spesis ini atau kacukan dengan mana-mana spesis lain atau kacukan pokok dan versi yang dijuruterakan secara genetik spesis atau kacukan ini.

4. **JAWATANKUASA PUSAT PERMOHONAN PENGGAMBARAN FILEM DAN PERSEMBAHAN ALN (JK-PUSPAL)**

4.1 **Fungsi**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk menimbang dan membuat keputusan ke atas permohonan penggambaran filem dan persembahan ALN.

4.2 **Keanggotaan**

Jawatankuasa Agensi Pusat adalah dianggotai oleh :

- | | | |
|-----------------|---|---|
| Pengerusi | : | Ketua Setiausaha, KKMM |
| Pengerusi Ganti | : | Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) atau mana-mana pegawai KKMM yang diarahkan oleh Pengerusi atau Pengerusi Ganti |
| Ahli Tetap | : | Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
- Ketua Pengarah FINAS atau wakil |
| | : | Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri atau wakil |
| | : | Kementerian Dalam Negeri;
- Setiausaha Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan atau wakil
- Setiausaha Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran atau wakil |
| | : | Polis DiRaja Malaysia;
- Pengarah Cawangan Khas atau wakil
- Pen. Ketua Urus setia Ketua Polis Negara (Komunikasi Korporat) atau wakil |
| | : | Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia atau wakil |

	:	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; <ul style="list-style-type: none"> - Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (Kebudayaan) Malaysia atau wakil - Ketua Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau wakil - Ketua Pengarah Istana Budaya atau wakil - Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara atau wakil
	:	Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau wakil
	:	Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau wakil
	:	Ketua Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia atau wakil
	:	Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau wakil
	:	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia; <ul style="list-style-type: none"> - Pengarah Cawangan Penaksiran atau wakil - Pengarah Cawangan Tidak Bermastautin atau wakil
Ahli Bersekutu (ex-officio)	:	Selain Ahli Tetap, JK - PUSPAL boleh menjemput mana-mana Agensi Kerajaan untuk turut hadir dalam Mesyuarat JK-PUSPAL mengikut keperluan dan kesesuaian
Urus Setia	:	Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL

4.3 Korum

Bilangan minimum ahli mesyuarat tetap yang diperlukan untuk JK-PUSPAL boleh bersidang adalah lapan (8).

4.4 Keputusan Permohonan

Keputusan sesuatu permohonan yang dibuat oleh JK–PUSPAL adalah keputusan majoriti ahli mesyuarat.

4.5 Komunikasi Keputusan

Keputusan permohonan oleh JK–PUSPAL akan dimaklumkan sama ada secara bertulis atau menerusi telefon atau faksimili atau e-mel atau laman web Kementerian kepada Pemohon.

4.6 Implikasi

Mana-mana Pemohon yang tidak berpuas hati dengan keputusan JK-PUSPAL boleh membuat representasi.

5. PENGURUSAN PUSPAL

Bagi maksud pengurusan dan pelaksanaan tanggungjawab, PUSPAL dikendalikan seperti yang berikut:-

5.1 Urus Setia

Unit Keurusetiaan Jawatankuasa PUSPAL atau mana-mana Bahagian/Unit yang ditetapkan oleh KKMM.

5.2 Peranan dan Tugas Urus Setia

- a. Menerima dan memproses permohonan persembahan ALN dan penggambaran filem;
- b. Mengutip cukai pegangan bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dan menyalurkan kepada Agensi tersebut, serta diberi kuasa untuk mengeluarkan resit kutipan cukai pegangan;
- c. Mengurus mesyuarat mingguan JK-PUSPAL;
- d. Membentangkan permohonan di mesyuarat mingguan JK-PUSPAL;
- e. Memaklumkan keputusan kepada Pemohon;
- f. Menyelaras dan memantau bersama Agensi Kerajaan yang berkaitan dengan aktiviti persembahan ALN dan penggambaran filem bagi memastikan persembahan ALN dan penggambaran filem adalah mengikut peraturan yang ditetapkan;

- g. Menerima dan menyalurkan maklumat kes pelanggaran syarat atau peraturan yang ditetapkan oleh JK-PUSPAL kepada Agensi Kerajaan yang berkaitan untuk tindakan menurut bidang kuasa masing-masing; dan
- h. Memberi khidmat nasihat yang berkaitan dengan persembahan ALN dan penggambaran filem.

6. KELAYAKAN PEMOHON

- 6.1 Hanya Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan sahaja yang layak memohon. Bagaimanapun, Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan boleh diwakili oleh ejen. Ejen yang memohon bagi pihak Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan hendaklah menyertakan surat perwakilan daripada Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan.
- 6.2 Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan seperti di bawah adalah tidak layak membuat permohonan:
 - a. Syarikat minuman keras;
 - b. Syarikat tembakau / rokok;
 - c. Syarikat perjudian; dan
 - d. Syarikat produk seks.

7. PRA PERMOHONAN

- 7.1 Pemohon boleh membuat pra permohonan bagi tujuan semakan status dan konsep persembahan ALN atau penggambaran filem sebelum mengemukakan permohonan rasmi.
- 7.2 Pemohon perlu mengemukakan surat permohonan rasmi untuk pra permohonan, latar belakang, lirik lagu, rekod persembahan, klip video persembahan terkini ALN, atau dokumen lain yang berkaitan sekiranya perlu.
- 7.3 Apa-apa persetujuan JK-PUSPAL adalah tertakluk kepada perkara berikut :
 - a. Surat permohonan rasmi dalam perenggan 7.2 dikemukakan kepada JK-PUSPAL; dan
 - b. Apa-apa pengiklanan, promosi dan penjualan tiket yang dibuat sebelum keputusan rasmi JK-PUSPAL adalah atas risiko Pemohon.
- 7.4 JK-PUSPAL berhak untuk menarik balik persetujuan ini sekiranya persembahan ALN atau penggambaran filem tersebut menyentuh isu

keagamaan, perkauman dan kebudayaan masyarakat Malaysia serta memudaratkan kepentingan negara.

- 7.5 Perkara yang dimaksudkan dengan “kepentingan negara”, hendaklah diputuskan oleh Kerajaan sahaja dan keputusan itu adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

8. TATACARA PERMOHONAN

- 8.1 Permohonan rasmi hendaklah dibuat secara:

- a. Dalam talian; dan
- b. Serahan borang permohonan dan dokumen fizikal yang berkaitan secara serahan tangan atau pos kepada Urus setia PUSPAL.

- 8.2 Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan sekurang–kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh persembahan ALN atau penggambaran filem.

- 8.3 Bagi permohonan persembahan ALN atau penggambaran filem untuk pertama kali, permohonan lengkap hendaklah dikemukakan sekurang–kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh persembahan ALN atau penggambaran filem.

- 8.4 Permohonan perlu dikemukakan mengikut senarai semak sebagaimana di Lampiran A atau Lampiran B.

- 8.5 Permohonan untuk melanjutkan tempoh persembahan ALN atau penggambaran filem perlu dikemukakan selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum tamat tempoh persembahan ALN atau penggambaran filem yang telah disokong.

- 8.6 Pemohon boleh mengemukakan permohonan kemasukan ALN dan/atau KLN secara berperingkat-peringkat.

- 8.7 Tatacara permohonan bagi penggambaran filem adalah di Lampiran A.

- 8.8 Tatacara permohonan bagi persembahan ALN adalah di Lampiran B.

9. PENAJAAN

Apa-apa penajaan bagi persembahan ALN atau penggambaran filem hendaklah tidak melibatkan;

- 9.1 Apa-apa perkara yang dilarang di bawah undang-undang Malaysia atau yang menyentuh isu keagamaan, perkauman dan kebudayaan masyarakat Malaysia.
- 9.2 Jenama rokok atau tembakau.
- 9.3 Produk seks.
- 9.4 Jenama perjudian.
- 9.5 Jenama minuman memabukkan. Walau bagaimanapun, kelonggaran penajaan boleh diberikan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut :
 - a. Semua promosi yang melibatkan penajaan minuman memabukkan secara langsung yang memaparkan logo, imej, saranan meminum atau mana-mana kegunaan produk tersebut tidak dibenarkan bagi semua perkara yang melibatkan persembahan ALN atau penggambaran filem berkenaan;
 - b. Bagi persembahan yang melibatkan pengedaran, penjualan dan hidangan minuman memabukkan, Pemohon hendaklah;
 - i. Mengemukakan pelan susun atur penganjuran dan menunjukkan dengan jelas pada pelan kawasan khusus pengedaran, penjualan dan hidangan minuman memabukkan;
 - ii. Memastikan pengedaran, penjualan dan hidangan minuman tidak dibuat selain kawasan yang ditunjukkan di dalam pelan; dan
 - iii. Memastikan tiada penjualan dan pengedaran minuman memabukkan di mana-mana kawasan persembahan ketika tempoh persembahan berlangsung.
 - c. Penjualan minuman keras yang memabukkan kepada orang yang berumur di bawah dua puluh satu (21) tahun adalah dilarang sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 14A (1), Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1992 [*Akta 493*] dan lain-lain enakmen-enakmen hiburan negeri; dan
 - d. Tiada orang mabuk yang boleh dibenarkan memasuki atau berada di dalam mana-mana tempat hiburan sebagaimana yang dinyatakan di

dalam Kaedah 24, Kaedah-Kaedah Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1993 P.U(A)259/93 dan lain-lain enakmen-enakmen hiburan negeri.

10. LARANGAN MENGADAKAN PERSEMBAHAN KONSERT TERBUKA

Semua persembahan konsert secara terbuka oleh ALN adalah tidak dibenarkan pada hari-hari berikut;

- 10.1 Di sepanjang Bulan Kemerdekaan dari 25 Ogos hingga 16 September.
- 10.2 Di sepanjang bulan Ramadhan.
- 10.3 Pada hari cuti perayaan keagamaan kecuali dibenarkan oleh pentadbir agama berkenaan dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 10.4 Hari kemangkatan Yang di-Pertuan Agong atau Sultan atau kematian pembesar negara atau negeri berkaitan.
- 10.5 Hari-hari lain yang diputuskan tidak sesuai oleh Kerajaan atau Kerajaan Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan.

11. PAS LAWATAN IKTISAS (PLIK)

- 11.1 PLIK dikeluarkan kepada semua ALN dan/atau KLN yang membuat persembahan atau penggambaran filem. Kelulusan mendapatkan PLIK adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan Imigresen sedia ada.
- 11.2 Membuat persembahan atau penggambaran filem tanpa PLIK merupakan pelanggaran subperaturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 iaitu kesalahan menyalahgunakan pas lawatan sosial, pas khas atau yang selainnya.
- 11.3 Kadar bagi PLIK adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.
- 11.4 Pengecualian bagi bayaran PLIK hanya boleh diberi kepada mana-mana ALN dan/atau KLN di atas sebab:
 - a) Program Penggambaran atau Pertukaran Kebudayaan Antara Kerajaan Dengan Kerajaan; dan
 - b) Jemputan Kerajaan sahaja.

12. PEMBATALAN PERMOHONAN / PERTUKARAN ALN DAN/ATAU KLN / PERTUKARAN TARIKH

12.1 Pembatalan Permohonan

Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan hendaklah mengemukakan sebab pembatalan serta dokumen sokongan secara bertulis dan secara dalam talian.

12.2 Pertukaran ALN dan/atau KLN

Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan pertukaran ALN dan/atau KLN beserta sebab pertukaran, dokumen sokongan secara bertulis dan secara dalam talian.

12.3 Pertukaran Tarikh

Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan pertukaran tarikh selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas hari pertama dari tarikh persembahan bermula. Walau bagaimanapun, pertimbangan sewajarnya akan diberikan tertakluk kepada peraturan-peraturan agensi Kerajaan yang berkaitan.

13. PEMANTAUAN

- 13.1 Urus setia PUSPAL, Ahli JK-PUSPAL dan Pegawai Penguat kuasa FINAS akan membuat pemantauan di mana-mana ruang persembahan ALN atau lokasi penggambaran filem yang dipohon atau yang telah disokong.
- 13.2 Kegagalan Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan untuk memberikan kerjasama semasa pemantauan dilakukan boleh menjejaskan keputusan permohonan atau pertimbangan bagi permohonan yang akan datang.
- 13.3 Penganjur hendaklah memperuntukkan dua puluh (20) keping tiket dan apa-apa bilangan pas masuk selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh persembahan bagi tujuan pemantauan oleh JK-PUSPAL. Tiket atau pas berkaitan hendaklah mempunyai tempat duduk bagi persembahan yang mempunyai tempat duduk.
- 13.4 Pemantau PUSPAL berhak untuk membuat sebarang bentuk rakaman gambar atau video terhadap persembahan ALN atau penggambaran filem mengikut tempoh tertentu yang bersesuaian bagi tujuan rekod PUSPAL dan tidak akan digunakan untuk tujuan komersil.

14. BIDANG SELIAAN JK-PUSPAL

- 14.1 Semua persembahan ALN dan penggambaran filem adalah di bawah seliaan JK-PUSPAL kecuali bagi perkara yang berikut;
- a. Semua persembahan ALN di Sabah dan Sarawak;
 - b. ALN yang berkarya di bawah Program Pertukaran Kebudayaan atau Program Kerjasama Kebudayaan antara Malaysia dengan Negara Luar; dan
 - c. ALN yang berkarya di Malaysia di bawah kategori Pegawai Dagang iaitu kontrak dengan majikannya bagi tempoh melebihi seratus lapan puluh (180) hari secara terus-menerus, tanpa permohonan lanjutan dalam tempoh berkenaan.

15. PERMOHONAN YANG TIDAK DISOKONG

- 15.1 Permohonan yang tidak disokong adalah berdasarkan perkara-perkara yang berikut :
- a. Permohonan yang tidak lengkap. (Sila rujuk senarai semak untuk permohonan yang lengkap);
 - b. Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan yang terlibat secara langsung dengan sesuatu jenama rokok atau tembakau, produk seks dan perjudian;
 - c. Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan belum menjelaskan apa-apa bayaran tertunggak yang telah ditetapkan oleh Agensi Kerajaan berkaitan;
 - d. Pelanggaran mana-mana syarat Garis Panduan oleh Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan atau ALN atau KLN;
 - e. Arahan daripada Pihak Berkuasa Tempatan atau Agensi Kerajaan yang mempunyai kuasa ke atas sesuatu persembahan;
 - f. Menyentuh dasar negara, isu keagamaan, perkauman dan kebudayaan serta memudaratkan kepentingan awam; dan
 - g. Sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah mengikut pertimbangan JK-PUSPAL.
- 15.2 Mana-mana pihak yang terjejas akibat mana-mana tindakan atau keputusan yang dibuat oleh JK-PUSPAL tidak berhak menuntut apa-apa ganti rugi atau

pampasan daripada atau mengambil apa-apa tindakan perundangan ke atas Kerajaan.

- 15.3 Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan boleh membuat representasi dalam tempoh empat belas (14) hari selepas keputusan Mesyuarat JK-PUSPAL. Representasi dibenarkan sekali sahaja dan keputusan adalah muktamad.

16. TANGGUNGJAWAB PENGANJUR ATAU SYARIKAT PRODUKSI FILEM TEMPATAN

Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :

16.1 SEBELUM PERSEMBAHAN ALN ATAU PENGGAMBARAN FILEM

- a. Menjelaskan Cukai Pegangan ALN (kadar cukai pegangan ialah 15% daripada pendapatan kasar ALN) kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (Peruntukan di bawah Seksyen 109A untuk pengenaan cukai dan kadar mengikut Jadual 1 Bahagian 2 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*]);
- b. Mendapatkan PLIK dari Jabatan Imigresen Malaysia. Membuat persembahan ALN atau penggambaran filem tanpa PLIK merupakan kesalahan mengikut subperaturan 39 (b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 iaitu kesalahan menyalahgunakan pas lawatan sosial, pas khas atau yang selainnya;
- c. Mendapatkan lesen atau permit hiburan daripada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum permohonan dikemukakan kepada JK-PUSPAL bagi kategori hotel dan premis hiburan;
- d. Memulangkan kembali wang bayaran tiket kepada pembeli sekiranya persembahan dibatalkan oleh Penganjur;
- e. Bertanggungjawab kepada ALN dan/atau KLN serta persembahan ALN atau penggambaran filem sebagaimana Surat Aku Janji yang terdapat di dalam borang permohonan; dan
- f. Mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa, peraturan dan kod etika sepanjang membuat persembahan ALN atau penggambaran filem.

16.2 SEMASA PERSEMBAHAN ALN ATAU PENGGAMBARAN FILEM

- a. Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan perlu hadir sama ketika persembahan dan penggambaran berlangsung;
- b. Dilarang membuat persembahan ALN atau penggambaran filem di tempat lain yang tidak mendapat sokongan PUSPAL. Membuat persembahan di luar dari tempat yang diendorskan di dalam PLIK merupakan pelanggaran kepada syarat pas di bawah subperaturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- c. Memastikan kawalan keselamatan yang mencukupi dilakukan ke atas ALN dan/atau KLN dan pengunjung sepanjang persembahan ALN atau penggambaran filem;
- d. Memastikan penglibatan artis tempatan (AT) dan/atau kru tempatan (KT) dalam persembahan ALN atau penggambaran filem; dan
- e. Memberi kerjasama kepada pasukan pemantau PUSPAL.

16.3 SELEPAS PERSEMBAHAN ATAU PENGGAMBARAN FILEM

- a. Memastikan ALN dan/atau KLN tidak tinggal melebihi tempoh kelulusan dan tempoh PLIK yang dikeluarkan di bawah perenggan 15(1)(c) Akta Imigresen 1963;
- b. Menjelaskan apa-apa bayaran sewaan atau perkhidmatan yang berkenaan; dan
- c.. Hadir ke Mesyuarat JK-PUSPAL untuk memberi penjelasan sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran.

17. TINDAKAN KE ATAS PELANGGARAN GARIS PANDUAN PUSPAL

- 17.1 Apabila terdapat apa-apa pelanggaran syarat di dalam Garis Panduan PUSPAL, Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan atau ejen yang berkenaan boleh dikenakan tindakan undang-undang menurut Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan) 1992 [Akta 492], Enakmen Hiburan atau Enakmen Kawalan Hiburan negeri tertakluk kepada fakta pelanggaran syarat yang dilakukan.
- 17.2 Selain itu, JK-PUSPAL berkuasa untuk mengambil tindakan secara pentadbiran seperti yang berikut:

- a. Bagi pelanggaran kali pertama, surat amaran berhubung dengan pelanggaran syarat Garis Panduan PUSPAL akan dikeluarkan kepada Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan;
- b. Bagi pelanggaran kali kedua, surat tunjuk sebab akan dikeluarkan. Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan perlu memberi penjelasan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tunjuk sebab tersebut. Kegagalan Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan mengemukakan penjelasan akan menjejaskan permohonan berikutnya;
- c. Sekiranya penjelasan yang diberi tidak munasabah, Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan yang berkenaan akan dipanggil untuk memberi penjelasan lanjut dalam Mesyuarat JK-PUSPAL; dan
- d. Sekiranya penjelasan lanjut itu tidak berasas, JK-PUSPAL boleh menyenaraihitamkan Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan untuk tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan bergantung kepada pertimbangan JK-PUSPAL. Sekiranya kesalahan yang sama masih berulang Penganjur atau Syarikat Produksi Filem Tempatan tidak dibenarkan untuk memohon untuk tempoh yang lebih lama sebagaimana yang JK-PUSPAL fikirkan patut dan sesuai.

18. KUASA MENTERI

- 18.1 Menteri boleh, menerusi arahan bertulis kepada JK-PUSPAL, meminda atau menambah atau mengecualikan pemakaian mana-mana peruntukan atau terma atau syarat atau tatacara-tatacara yang terkandung di dalam Garis Panduan yang difikirkan sebagai perlu atau wajar bagi tujuan penambahbaikan atau menghindar apa-apa kesulitan berhubung dengan pelaksanaan Garis Panduan dan Tatacara Permohonan.
- 18.2 Apa-apa arahan bertulis daripada Menteri sama ada berbentuk pindaan atau penambahan atau pengecualian terhadap mana-mana peruntukan atau terma atau syarat atau tatacara-tatacara yang terkandung di dalam Garis Panduan dan Tatacara Permohonan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh arahan bertulis tersebut dikeluarkan atau pada mana-mana tarikh yang dinyatakan secara khusus di dalam arahan bertulis tersebut.

19. TATACARA PERMOHONAN SERTA GARIS PANDUAN DAN PERATURAN PENGGAMBARAN FILEM

Tatacara adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

20. TATACARA PERMOHONAN SERTA GARIS PANDUAN DAN PERATURAN PERSEMBAHAN ALN

Tatacara adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

21. CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN PENGGAMBARAN FILEM DAN PERSEMBAHAN ALN

Carta aliran adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Disember 2014

**TATACARA PERMOHONAN SERTA GARIS PANDUAN DAN PERATURAN
PENG GAMBARAN FILEM**

A. TATACARA PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

Pengerusi JK-PUSPAL
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Tingkat 24, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia,
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
62100, PUTRAJAYA
Tel : (6)03-89115356
Faks : (6)03-89115360

2. Permohonan hendaklah menggunakan Borang PUSPAL yang boleh didapati di Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL atau dimuat turun daripada laman web <http://www.kkmm.gov.my> atau <https://epuspal.kkmm.gov.my>.

3. Syarikat filem luar negara hendaklah melantik Syarikat Produksi Filem Tempatan yang mempunyai lesen pengeluaran filem FINAS. Syarikat filem luar negara juga boleh diwakili oleh Syarikat Produksi Filem Tempatan yang terdiri daripada mana-mana Agensi Kerajaan. Syarikat Produksi Filem Tempatan bertanggungjawab untuk mengendalikan segala urusan sehingga selesai penggambaran filem.

4. Bagi permohonan penggambaran di Sabah dan Sarawak, permohonan perlu dikemukakan kepada JK-PUSPAL dan Kerajaan Negeri Sabah atau Sarawak ke alamat berikut:-

Setiausaha Kerajaan Negeri
Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan
Jabatan Ketua Menteri Sabah
Tingkat 4, Wisma Innoprise, Teluk Likas
88817 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-328000
Faks : 088-328038

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Jabatan Ketua Menteri
(Unit Pentadbiran Am dan Unit Hal Ehwal Awam)
Tingkat 8, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya,
93502 Kuching, Sarawak
Tel : 082-441957
Faks : 082-444321/ 082-445116

5. Permohonan hendaklah mengandungi perkara berikut:

Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan berdasarkan kepada jenis filem:

Bil.	Jenis Filem	Dokumen Sokongan
i.	Iklan	<i>Story board</i>
ii.	Dokumentari	<i>Treatment / Sinopsis</i>
iii.	Cereka	Skrip dan sinopsis
iv.	Program TV	Sinopsis segmen

Skrip / Sinopsis / *Treatment / Story board* perlu dikemukakan kepada Urus Setia PUSPAL dan Cawangan Komunikasi Korporat – Urus setia Ketua Polis Negara dalam Bahasa Inggeris atau terjemahan dalam Bahasa Melayu.

6. Senarai semak dokumen yang perlu dikemukakan kepada Urus Setia PUSPAL mengikut keperluan Agensi Kerajaan adalah seperti yang berikut:

6.1 Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL

BIL	DOKUMEN	ASAL	SALINAN
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Syarikat Produksi Filem Tempatan) ditujukan kepada Pengerusi JK-PUSPAL	1	-
2.	Borang permohonan PUSPAL	1	-
3.	Skrip / Sinopsis / <i>Treatment / Story board</i> (Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja)	-	1
4.	Kontrak syarikat filem luar negara dengan Syarikat Produksi Filem Tempatan (yang disetamkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	-	1
5.	Butir-butir kru tempatan yang terlibat iaitu nama, no. kad pengenalan, no. telefon dan no. keahlian Persatuan <ul style="list-style-type: none"> • Kru penggambaran hendaklah terdiri daripada 30 % kru tempatan yang menjadi ahli persatuan filem tempatan; • Kru tempatan hendaklah terlibat dalam melakukan kerja-kerja teknikal untuk memastikan berlakunya perpindahan kepakaran atau teknologi; • Pemohon yang ingin mendapatkan khidmat 	1	-

BIL	DOKUMEN	ASAL	SALINAN
	kru tempatan boleh menghubungi persatuan PROFIMA di talian 03-4106 0116 atau profima.malaysia@gmail.com		
6.	Lesen pengeluaran filem dari FINAS	-	1
7.	Latar belakang syarikat filem luar negara dan latar belakang penggambaran	1	-
8.	Sijil pendaftaran perniagaan atau persatuan atau pertubuhan (bagi permohonan pertama kali)	-	1
9.	Surat perwakilan kuasa kepada ejen yang berurusan di PUSPAL	1	-

6.2 Polis DiRaja Malaysia

BIL	DOKUMEN	ASAL	SALINAN
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Syarikat Produksi Filem Tempatan) ditujukan kepada PDRM Cawangan Khas, Bukit Aman	1	-
2.	Borang permohonan PUSPAL	-	1
3.	Gambar berwarna saiz passport bagi setiap ALN dan/atau KLN (ditampal pada ruangan gambar Borang PUSPAL)	1	-

6.3 Lembaga Hasil Dalam Negeri

BIL	DOKUMEN	ASAL	SALINAN
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Syarikat Produksi Filem Tempatan) ditujukan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, Cawangan Tidak Bermastautin	1	-
2.	Borang permohonan PUSPAL	-	1
3.	Borang NR/RPS1	-	1
4.	Kontrak syarikat filem luar negara dengan Syarikat Produksi Filem Tempatan (yang disetamkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	1	-

6.4 Jabatan Imigresen Malaysia

BIL	DOKUMEN	ASAL	FOTOSTAT
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Syarikat Produksi Filem Tempatan) ditujukan kepada Jabatan Imigresen Malaysia	1	-
2.	Surat perwakilan kuasa kepada ejen yang	1	-

BIL	DOKUMEN	ASAL	FOTOSTAT
	berurusan di PUSPAL		
3.	Borang permohonan PUSPAL	-	1
4.	Jaminan Bank (<i>Bank Guarantee</i>) bagi permohonan syarikat luar negara China sahaja	1	-
5.	Bon Keselamatan (<i>Security Bond</i>) (yang dimatikan setem di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	1	-
6.	Bon Persendirian (<i>Personal Bond</i>) (yang dimatikan setem di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	1	-
7.	Borang IMM.12 bagi permohonan baru	1	-
8.	Borang IMM.55 bagi permohonan lanjutan	1	-
9.	Sijil pendaftaran perniagaan atau persatuan atau pertubuhan (bagi permohonan pertama kali)	-	1
10.	Gambar berwarna saiz passport bagi setiap ALN dan/atau KLN	2	-
11.	Pasport bagi setiap KLN (semua mukasurat)	-	1
12.	Kontrak syarikat filem luar negara dengan Syarikat Produksi Filem Tempatan (yang disetamkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	-	1

6.5 Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

Permohonan perlu dikemukakan terus kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Syarikat Produksi Filem Tempatan dinasihatkan agar memaklumkan kepada pengurusan KLN yang terlibat untuk mengguna pakai kemudahan ATA CARNET yang terdapat di negara asal KLN bagi memudahkan dan melancarkan kemasukan peralatan dan barangan yang terlibat di Malaysia.

BIL	DOKUMEN	ASAL	FOTOSTAT
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Syarikat Produksi Filem Tempatan) ditujukan kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia	1	-
2.	Borang permohonan PUSPAL	-	1
3.	Borang KASTAM No.1 atau Borang ATA CARNET	1	-

B. TEMPOH MEMPROSES PERMOHONAN

1. Urus Setia menyediakan kertas perakuan untuk pertimbangan JK-PUSPAL.
2. JK-PUSPAL bersidang untuk memberi pertimbangan ke atas sesuatu permohonan.
3. Dalam kes tertentu Syarikat Produksi Filem Tempatan akan dipanggil ke mesyuarat untuk memberi penjelasan.
4. Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh penggambaran. Tempoh minimum memproses permohonan ialah lima (5) hari bekerja manakala bagi permohonan penggambaran filem di Sabah dan Sarawak adalah sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari bekerja tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan adalah lengkap.

C. TEMPOH BERKARYA

Tempoh masuk dan bekerja sementara tidak melebihi tempoh maksimum seratus lapan puluh (180) hari.

D. GARIS PANDUAN DAN PERATURAN PENGGAMBARAN

1. Syarikat Produksi Filem Tempatan hendaklah membuat Surat Aku Janji (*Letter of Undertaking*) bahawa syarikat filem luar negara akan mematuhi sepenuhnya syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.
2. Penggambaran filem hendaklah diubah atau ditunda sekiranya penetapan sesuatu lokasi, tarikh atau masa penggambaran itu tidak sesuai setelah mengambil kira aspek keselamatan, ketenteraman awam, sensitiviti setempat atau hal-hal lain berkaitan peraturan Agensi lain yang berkenaan. Tempoh penangguhan yang dibenarkan adalah satu (1) bulan. Jika tempoh penangguhan melebihi satu (1) bulan, permohonan baru perlu dibuat kepada JK-PUSPAL.
3. Kru penggambaran hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada 30% kru tempatan. Walau bagaimanapun, pertimbangan akan diberi mengikut keadaan yang munasabah atas keperluan sesuatu penggambaran itu.
4. Syarikat Produksi Filem Tempatan hendaklah berurusan dengan pihak PDRM berhubung dengan bantuan dan perkhidmatan yang diperlukan sama ada melibatkan peranan PDRM dalam filem, kawalan orang ramai, kawalan lalu lintas dengan menyatakan alamat lokasi, tarikh dan masa penggambaran,

serta jenis bantuan yang diperlukan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh penggambaran.

5. Perkhidmatan pegawai dan anggota PDRM akan dikenakan bayaran dan mereka juga hendaklah diberi perlindungan insuran.
6. Syarikat Produksi Filem Tempatan akan dikenakan bayaran ganti rugi mengikut Jabatan di bawah PDRM sekiranya telah menyebabkan sebarang kerosakan ke atas penggunaan premis dan aset PDRM.
7. Syarikat Produksi Filem Tempatan hendaklah memastikan syarikat filem luar negara mengambil insuran berkelompok.
8. Skrip / Sinopsis / *Treatment* / *Story board*

Skrip / Sinopsis / *Treatment* / *Story board* hendaklah tidak mengandungi perkara yang;

- 8.1 Bertentangan dengan dasar-dasar Kerajaan dan Rukun Negara;
 - 8.2 Menjejaskan imej negara;
 - 8.3 Menyentuh isu keagamaan, perkauman dan kebudayaan masyarakat Malaysia serta memudaratkan kepentingan awam;
 - 8.4 Menunjukkan perlakuan atau adegan yang menjolok mata serta bertentangan dengan tatasusila rakyat Malaysia;
 - 8.5 Mempromosikan produk tembakau dan/atau minuman memabukkan;
 - 8.6 Menghina dan mempersendakan kesucian agama Islam dan agama lain di Malaysia; dan
 - 8.7 Menggambarkan pertelingkahan kaum, agama, kebudayaan, dan seumpamanya yang boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan dan keharmonian negara.
9. Penggambaran filem hendaklah mengikut Skrip / Sinopsis / *Treatment* / *Story board* dan jadual penggambaran yang telah disokong.
 10. Tidak dibenarkan membuat apa-apa penggambaran filem atau menggunakan gambaran tempat yang dilarang sepertimana yang ditetapkan oleh Kerajaan kecuali dengan kelulusan pihak yang bertanggungjawab.
 11. Semua ALN dan/atau KLN hendaklah menghormati tatasusila dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

12. Tidak boleh melakukan apa-apa aktiviti yang mengakibatkan kerosakan dan pencemaran alam sekitar serta harta benda awam.
13. Penggambaran filem digalakkan dibuat di lokasi-lokasi pelancongan yang menarik, memaparkan keunikan budaya, kesenian negara dan produk tempatan.
14. Syarikat Produksi Filem Tempatan perlu mengemukakan hasil penggambaran filem dalam bentuk DVD atau mana-mana format yang bersesuaian bagi rujukan JK-PUSPAL sebelum membuat tayangan atau mana-mana tempoh yang akan ditetapkan.
15. Kenyataan penghargaan (*credit title*) hendaklah dibuat bahawa filem berkenaan atau adegan tertentu di dalamnya adalah dibuat di Malaysia.

E. PERTUKARAN TARIKH

Pertukaran tarikh dibenarkan selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tarikh penggambaran filem bermula.

F. PEMBATALAN KEPUTUSAN

1. JK-PUSPAL boleh membatalkan keputusan sesuatu penggambaran filem atas sebab-sebab yang berikut:
 - 1.1 Pelanggaran mana-mana syarat di dalam Garis Panduan PUSPAL oleh Syarikat Produksi Filem Tempatan atau ALN atau KLN atau syarikat filem luar negara;
 - 1.2 Arahan daripada Pihak Berkuasa Tempatan;
 - 1.3 Arahan daripada PDRM;
 - 1.4 Arahan daripada Agensi Kerajaan lain yang mempunyai kuasa ke atas sesuatu penggambaran filem;
 - 1.5 Menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan awam dan dasar negara; dan
 - 1.6 Menyentuh sensitiviti agama, budaya dan kaum.

2. Mana-mana pihak yang terjejas akibat mana-mana tindakan atau keputusan yang dibuat oleh JK-PUSPAL tidak berhak menuntut apa-apa ganti rugi atau mengambil tindakan undang-undang ke atas Kerajaan.

G. PINDAAN

Tatacara permohonan ini adalah tertakluk kepada apa-apa pindaan lanjut dari semasa ke semasa.

**TATACARA PERMOHONAN SERTA GARIS PANDUAN DAN PERATURAN
PERSEMBAHAN ALN**

A. TATACARA PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah ditujukan kepada :

Pengerusi JK-PUSPAL
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Tingkat 24, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia,
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
62100, PUTRAJAYA
Tel : (6)03-89115356
Faks : (6)03-89115360

2. Permohonan hendaklah menggunakan Borang PUSPAL yang boleh didapati di Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL atau dimuat turun daripada laman web <http://www.kkmm.gov.my> atau <https://epuspal.kkmm.gov.my>.

3. Permohonan persembahan ALN hendaklah dibuat melalui Penganjur. Bagi permohonan persembahan ALN di Sabah dan Sarawak (tidak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan), permohonan perlu dikemukakan terus kepada Kerajaan Negeri Sabah dan/atau Sarawak ke alamat berikut:

Setiausaha Kerajaan Negeri
Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan
Jabatan Ketua Menteri Sabah
Tingkat 4, Wisma Innoprise, Teluk Likas
88817 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-328000
Faks : 088-328038

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Jabatan Ketua Menteri
(Unit Pentadbiran Am dan Unit Hal Ehwal Awam)
Tingkat 8, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya,
93502 Kuching, Sarawak
Tel : 082-441957
Faks : 082-444321/ 082-445116

4. Senarai semak dokumen yang perlu dikemukakan kepada Urus Setia PUSPAL mengikut keperluan Agensi Kerajaan adalah seperti yang berikut:

4.1 Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL

BIL	DOKUMEN	ASAL	FOTOSTAT
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Penganjur) ditujukan kepada Pengerusi JK-PUSPAL	1	-
2.	Borang permohonan PUSPAL	1	-
3.	Sinopsis / skrip bagi kategori teater / <i>stand up comedy</i> / deklamasi puisi(jika berkenaan)	1	-
4.	Surat kelulusan daripada pemilik lokasi persembahan	-	1
5.	Kontrak ALN dengan Penganjur (yang disetemkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	-	1
6.	Kontrak AT dengan Penganjur – bagi kategori hotel dan premis hiburan (yang disetemkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	-	1
7.	Lesen hiburan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke atas lokasi persembahan	-	1
8.	Sijil pendaftaran perniagaan atau persatuan atau pertubuhan (bagi permohonan pertama kali)	-	1
9.	DVD/VCD/CD album bagi kategori promosi atau apa-apa kategori sekiranya diperlukan	1	-
10.	Lirik album atau diskripsi produk (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris) bagi kategori promosi	-	1
11.	Surat perwakilan kuasa kepada ejen yang berurusan di PUSPAL	1	-

4.2 Polis DiRaja Malaysia

BIL	DOKUMEN	ASAL	FOTOSTAT
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Penganjur) ditujukan kepada PDRM Cawangan Khas, Bukit Aman	1	-
2.	Borang permohonan PUSPAL	-	1
3.	Gambar berwarna saiz passport bagi setiap ALN dan/atau KLN (ditampal pada ruangan gambar Borang PUSPAL)	1	-
4.	Borang Polis DiRaja Malaysia (sekiranya	1	-

	membawa masuk peralatan atau props yang bersifat letupan ke Malaysia)		
--	---	--	--

4.3 Lembaga Hasil Dalam Negeri

BIL	DOKUMEN	ASAL	FOTOSTAT
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Penganjur) ditujukan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, Cawangan Jalan Duta	1	-
2.	Borang permohonan PUSPAL	-	1
3.	Borang Performa B	1	-
4.	Kontrak ALN dan/atau KLN dengan Penganjur (yang disetemkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	1	-

4.4 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Permohonan perlu dikemukakan terus kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Penganjur dinasihatkan agar memaklumkan kepada pengurusan ALN yang terlibat untuk mengguna pakai kemudahan ATA CARNET yang terdapat di negara asal ALN bagi memudahkan dan melancarkan kemasukan peralatan dan barangan yang terlibat di Malaysia.

BIL	DOKUMEN	ASAL	FOTOSTAT
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Penganjur) ditujukan kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia	1	-
2.	Borang permohonan PUSPAL	-	1
3.	Borang KASTAM No.1 atau Borang ATA CARNET	1	-

4.5 Kementerian Dalam Negeri (sekiranya melibatkan promosi album)

BIL	DOKUMEN	ASAL	FOTOSTAT
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Penganjur) ditujukan kepada Kementerian Dalam Negeri (Bahagian Kawalan Penerbitan Dan Teks Al-Quran)	1	-
2.	Borang permohonan PUSPAL	-	1
3.	DVD/VCD/CD dan lirik album bagi kategori promosi album	1	-

4.6 Jabatan Imigresen Malaysia

BIL	DOKUMEN	ASAL	FOTOSTAT
1.	Surat Pemohon (menggunakan kepala surat Penganjur) ditujukan kepada Jabatan Imigresen Malaysia	1	-
2.	Surat perwakilan kuasa kepada ejen yang berurusan di PUSPAL	1	-
3.	Borang permohonan PUSPAL	-	1
4.	Jaminan Bank (<i>Bank Guarantee</i>)	1	-
5.	Bon Keselamatan (<i>Security Bond</i>) (yang dimatikan setem di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	1	-
6.	Bon Persendirian (<i>Personal Bond</i>) (yang dimatikan setem di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	1	-
7.	Borang IMM.12 bagi permohonan baru	1	-
8.	Borang IMM.55 bagi permohonan lanjutan	1	-
9.	Sijil pendaftaran perniagaan atau persatuan atau pertubuhan (bagi permohonan pertama kali)	-	1
10.	Gambar berwarna saiz passport bagi setiap ALN dan/atau KLN	2	-
11.	Pasport bagi setiap ALN dan/atau KLN (semua mukasurat)	-	1
12.	Kontrak ALN dan/atau KLN dengan Penganjur (yang disetemkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	-	1
13.	Kontrak AT dengan Penganjur bagi kategori hotel atau premis hiburan (yang disetemkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri)	-	1

B. TEMPOH MEMPROSES PERMOHONAN

1. Urus Setia menyediakan kertas perakuan untuk pertimbangan JK-PUSPAL.
2. JK-PUSPAL bersidang untuk memberi keputusan tentang sesuatu permohonan.
3. Dalam kes tertentu Penganjur akan dipanggil ke mesyuarat untuk memberi penjelasan.
4. Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh persembahan. Tempoh minimum memproses

permohonan ialah lima (5) hari bekerja tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan adalah lengkap.

C. GARIS PANDUAN DAN PERATURAN PERSEMBAHAN

1. Kategori

1.1 ALN dan/atau KLN dibahagikan kepada kategori berikut:

Kategori	Jenis Persembahan
A Pentas	A1 Nyanyian
	A2 Muzik
	A3 Tarian
	A4 Konsert
	A5 Teater
	A6 Sarkas
	A7 Akrobatik
	A8 Seni mempertahankan diri
	A9 Silap Mata
	A10 Pengacara/Pelawak/ <i>stand-up comedy</i>
	A11 Promosi
	A12 DJ
B Opera/ Keagamaan	B1 Cina
	B2 Buddha
	B3 Hindu

1.2 ALN dan/atau KLN kategori B merangkumi artis yang dibawa masuk secara individu mengikut peranannya dalam opera bagi maksud sekadar membantu AT atau badan opera yang sedia ada di negara ini.

1.3 ALN dan/atau KLN kategori B ini dipertimbangkan atas dasar agama dan adat yang meliputi Opera Cina, Buddha dan Hindu.

1.4 Tempat persembahan bagi ALN dan/atau KLN kategori B seperti di tokong agama Buddha, tokong Cina, di kuil agama Hindu dan di tempat lain yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

1.5 Jadual dan tempat persembahan kategori B hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh JK-PUSPAL dan apa-apa perubahan hendaklah dimaklumkan secara bertulis untuk pertimbangan JK-PUSPAL.

- 1.6 Bagi persembahan ALN di hotel dan premis hiburan, surat sokongan persembahan yang dikeluarkan oleh JK-PUSPAL hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dan dibaca oleh orang awam.
- 1.7 ALN dan/atau KLN kategori A1 dan A2 yang membuat persembahan terutamanya di pusat hiburan adalah digalakkan untuk mempersembahkan beberapa lagu tempatan.
- 1.8 ALN dan/atau KLN yang hendak dibawa masuk bagi sesuatu persembahan tidak dibenarkan mengadakan persembahan untuk Penganjur atau lokasi lain dalam tempoh yang sama, kecuali setelah tamat kontrak dengan Penganjur yang terdahulu. Tempoh keseluruhan kemasukan ALN dan/atau KLN hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum yang dibenarkan.
- 1.9 Barang-barang yang dibawa oleh ALN adalah tertakluk kepada pengikraran dan kelulusan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia semasa pengimportan atau pengeksportan barangan ke atau daripada negara ini.

2. Tempoh Berkarya

- 2.1 Bagi ALN dan/atau KLN kategori A1-A10, tempoh masuk dan berkerja sementara adalah tidak melebihi tempoh maksimum sembilan puluh (90) hari, kecuali bagi negara ASEAN tempoh maksimum ialah seratus lapan puluh (180) hari termasuk tempoh lanjutan. Sokongan permohonan bagi tempoh masa sehingga satu (1) tahun boleh diberikan ke atas produksi berskala besar dari luar negara.
- 2.2 Bagi ALN kategori A11, untuk mempromosikan album dan produk, tempoh masuk dan berkerja sementara adalah tidak melebihi tujuh (7) hari.
- 2.3 Bagi ALN kategori A12, tempoh masuk dan berkerja sementara adalah tidak melebihi tiga puluh (30) hari, manakala tempoh renggang (*cooling period*) di premis yang sama ialah tujuh (7) hari.
- 2.4 Bagi ALN dan/atau KLN kategori B, tempoh persembahan adalah seratus lapan puluh (180) hari. Namun begitu, sokongan permohonan akan diberikan secara interim iaitu untuk sembilan puluh (90) hari yang pertama. Tempoh lanjutan sembilan puluh (90) hari berikutnya akan diberikan berdasarkan penilaian JK-PUSPAL.
- 2.5 Bagi ALN dan/atau KLN kategori A, permohonan kali kedua hanya dibenarkan setelah tamat tempoh persembahan pertama.

3. Bilangan ALN

- 3.1 Bilangan ALN di premis hiburan adalah tidak boleh melebihi sepuluh (10) orang pada satu-satu masa tertakluk kepada Jadual B1 yang ditetapkan. Namun, pertimbangan akan diberi mengikut kadar yang munasabah atas keperluan sesuatu persembahan.
- 3.2 Bilangan ALN dan/atau KLN bagi kategori opera tidak boleh melebihi tiga puluh (30) orang pada satu-satu masa. Namun, pertimbangan akan diberi mengikut kadar yang munasabah atas keperluan sesuatu persembahan.

4. Pra Tonton

- 4.1 JK-PUSPAL boleh mensyaratkan pra tonton atau pra dengar sesuatu persembahan ALN sama ada secara langsung atau dalam bentuk rakaman sebelum sokongan permohonan dapat diberikan.
- 4.2 Kegagalan mematuhi keperluan ini boleh menjejaskan permohonan Penganjur pada masa akan datang.

5. Kod Etika Berpakaian dan Gerak Laku Semasa Persembahan

- 5.1 Setiap persembahan adalah tertakluk kepada kod etika yang berikut :

5.1.1 Kod Etika Berpakaian

a. Pakaian ALN Lelaki

ALN lelaki hendaklah berpakaian bersesuaian, tidak menjolok mata dan dilarang:-

- i. Berseluar pendek (pakaian dalam atau yang menjolok mata);
- ii. Berpakaian yang mempamerkan simbol, gambar atau perkataan yang berunsur lucu, menyentuh isu keagamaan, perkauman dan kebudayaan, jenama rokok, minuman keras dan dadah;
- iii. Menanggalkan pakaian semasa membuat persembahan; dan

- iv. Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh pihak Pihak Berkuasa Tempatan.
- b. Pakaian ALN Wanita
- ALN wanita hendaklah berpakaian bersesuaian, tidak menjolok mata dan dilarang:-
- i. Memakai pakaian yang terdedah luas di bahagian dada atau terlalu singkat daripada paras lutut;
 - ii. Memakai pakaian yang berbelah terlalu tinggi atau terlalu ketat atau sendat;
 - iii. Berpakaian yang terlalu jarang yang menampakkan pakaian dalam atau bentuk badan; dan
 - iv. Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh pihak Pihak Berkuasa Tempatan.

5.1.2 Gerak Laku Semasa Persembahan

ALN adalah dilarang mempamerkan aksi dan pertuturan yang mengganggu keselesaan penonton serta menyentuh agama, sensitiviti masyarakat dan bertentangan dengan nilai budaya tempatan seperti:-

- a. Melakukan persembahan liar, menjolok mata dan perbuatan yang bertentangan dengan tata susila persembahan;
- b. Membaling objek ke arah penonton;
- c. Mempamerkan perlakuan atau tutur kata yang berunsur lucah dengan aksi yang mengghairahkan seperti berkucupan, mencium penonton atau melakukan perbuatan seumpamanya sesama sendiri;
- d. Melakukan perbuatan atau mengeluarkan tutur kata yang boleh difahami sebagai menghasut, menarik minat untuk membanggakan sesuatu golongan masyarakat atau agama tertentu dalam konteks polarisasi kaum yang boleh menjejaskan kestabilan negara;

- e. Melayan atau duduk bersama pengunjung pada bila-bila masa memandangkan persembahan mereka adalah terhad di pentas sahaja; dan
- f. Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

6. Asas Pertimbangan Bagi Pelanjutan Sesuatu Persembahan

Permohonan untuk melanjutkan persembahan akan dipertimbangkan tertakluk kepada:

- 6.1 Permohonan pelanjutan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh tamat tempoh persembahan ALN melalui;
 - 6.1.1 Dalam talian; dan
 - 6.1.2 Melalui serahan tangan atau pos kepada Urus Setia JK-PUSPAL.
- 6.2 Tiada teguran atau laporan negatif diterima daripada mana-mana pihak terhadap ALN, persembahannya atau Penganjur semasa persembahan yang terdahulu.
- 6.3 Bagi ALN kategori A1-A10, permohonan lanjutan bagi ALN dan/atau KLN bukan dari negara ASEAN boleh dipertimbangkan untuk tempoh tertentu, dengan sokongan JK-PUSPAL dan tertakluk kepada kelulusan dari Jabatan Imigresen Malaysia.
- 6.4 Bagi ALN dan/atau KLN kategori B, permohonan lanjutan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada penilaian JK-PUSPAL.

7. Syarat Khas

- 7.1 Konsert / nyanyian
 - 7.1.1 Penganjur wajib melibatkan AT dalam sesebuah persembahan ALN.
 - 7.1.2 Sekurang-kurangnya 30% daripada pekerja teknikal bagi persembahan ALN hendaklah warganegara Malaysia. Namun, pertimbangan akan diberi mengikut keadaan yang munasabah atas keperluan sesuatu persembahan itu.

- 7.1.3 Tempoh bagi persembahan berskala besar tidak boleh melebihi satu (1) hari namun tertakluk kepada kelulusan PBT bagi jam persembahan.
 - 7.1.4 Persembahan berskala besar hendaklah seboleh mungkin diadakan di premis tertutup bagi memudahkan kawalan keselamatan dan mengelakkan gangguan ketenteraman awam seperti bunyi bising.
 - 7.1.5 Penganjur hendaklah mengemukakan pelan prosedur keselamatan semasa mengemukakan permohonan kepada PUSPAL dan sekiranya perlu penganjur akan dipanggil hadir untuk memberikan penjelasan terperinci.
 - 7.1.6 Penganjur hendaklah melantik petugas keselamatan yang terlatih. Bilangan petugas keselamatan hendaklah munasabah dengan bilangan pengunjung yang dijangka hadir.
 - 7.1.7 Penganjur perlu melibatkan agensi penguatkuasaan dan keselamatan Kerajaan serta pasukan perubatan perlu dilibatkan berada di lokasi persembahan mengikut keadaan yang munasabah.
- 7.2 Persembahan berkonsepkan *Electronic Dance Music* (EDM)
- 7.2.1 Sebarang aktiviti berkaitan rokok, dadah dan minuman memabukkan adalah DILARANG sama sekali.
 - 7.2.2 Persembahan hendaklah dibuat di premis tertutup bagi memudahkan kawalan keselamatan dan mengelakkan gangguan ketenteraman awam seperti bunyi bising.
 - 7.2.3 Penganjur hendaklah mengemukakan pelan prosedur keselamatan semasa mengemukakan permohonan kepada PUSPAL dan sekiranya perlu penganjur akan dipanggil hadir untuk memberikan penjelasan terperinci.
 - 7.2.4 Tempoh persembahan tidak boleh melebihi 5 jam bermula seawal 8 malam hingga 1 pagi. Persembahan dihadkan untuk 1 hari sahaja dan tidak boleh diadakan secara berturut-turut.
 - 7.2.5 Jumlah pengunjung hendaklah tidak melebihi 10,000 orang sahaja dan dihadkan kepada pengunjung yang berumur 21 dan ke atas sahaja. Laluan keluar masuk yang mencukupi hendaklah disediakan mengikut kesesuaian.

- 7.2.6 Penganjur hendaklah melantik petugas keselamatan yang terlatih. Jumlah petugas keselamatan yang perlu disediakan hendaklah pada kadar seorang petugas kepada 50 orang pengunjung (1:50).
- 7.2.7 Penganjur perlu melibatkan agensi penguatkuasaan dan keselamatan seperti Polis DiRaja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. Setiap agensi ini hendaklah diberikan ruangan khas di lokasi persembahan untuk memudahkan penugasan.
- 7.2.8 Penganjur hendaklah menyediakan anjing terlatih mengesan dadah (canine).
- 7.2.9 Pemeriksaan badan dan beg pengunjung hendaklah dibuat oleh petugas keselamatan di semua pintu masuk.
- 7.2.10 Lokasi persembahan hendaklah dilengkapi dengan televisyen litar tertutup (CCTV).
- 7.2.11 Lokasi persembahan hendaklah mempunyai kemudahan letak kereta yang mencukupi dan tidak mengganggu aliran lalu lintas awam.
- 7.2.12 Penganjur hendaklah melantik pasukan perubatan paramedik yang berkelayakan memberi pertolongan cemas. Jumlah pasukan perubatan yang perlu disediakan hendaklah pada kadar 2 orang petugas kepada 500 orang pengunjung (2:500). Manakala jumlah ambulans yang perlu disediakan ialah pada kadar sebuah ambulans kepada seribu orang pengunjung (1:1000);
- 7.2.13 Lokasi persembahan hendaklah mudah diakses bagi petugas dan kenderaan kecemasan serta ruangan khas hendaklah disediakan bagi tujuan rawatan.
- 7.2.14 Penganjur hendaklah menyediakan air minuman yang mencukupi kepada pengunjung di sepanjang tempoh persembahan. Air minuman ini diletakkan di kawasan yang mudah diperolehi oleh pengunjung.
- 7.2.15 Penganjur hendaklah membuat promosi kesihatan sebelum dan semasa persembahan berlangsung.

7.2.16 Penganjur hendaklah mematuhi semua peraturan keselamatan kebakaran yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

7.3 Promosi Album

ALN boleh membuat permohonan baru untuk promosi album yang sama. Namun, tempoh permohonan baru ini hendaklah sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tempoh promosi sebelumnya bagi album berkenaan.

7.4 Hotel dan Premis Hiburan

7.4.1 Persembahan ALN di hotel hanya dibenarkan untuk hotel bertaraf empat (4) bintang ke atas sahaja.

7.4.2 Pertimbangan khas boleh diberikan kepada hotel bertaraf tiga (3) bintang yang terletak di dalam zon pelancongan (seperti di pulau peranginan) atau di ibu negeri untuk tempoh maksimum sembilan puluh (90) hari dalam setahun dengan tidak mengambil kira bilangan ruang persembahan. ALN dihadkan kepada satu (1) kumpulan pada satu-satu masa sahaja.

7.4.3 Perubahan atau pertukaran nama ruang persembahan (*outlet*) hendaklah dimaklumkan kepada JK-PUSPAL.

7.4.4 Semua ruang persembahan yang terletak di kawasan atau lokasi dalam sesebuah bangunan hotel yang disewa oleh Penganjur, akan dianggap sebagai menjadi milik atau tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak Penganjur berkenaan atas apa-apa perkara berkaitan persembahan hiburan ALN.

7.4.5 Persembahan ALN di pusat membeli-belah, kelab persendirian dan sebagainya boleh dibenarkan jika dipersetujui oleh JK-PUSPAL dan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.

7.4.6 Persembahan ALN di premis hiburan hanya dibenarkan untuk premis yang terletak di zon perdagangan atau di lokasi tarikan utama pengunjung.

7.4.7 Nisbah artis adalah 70:30 iaitu 70% AT dan 30% ALN. Walau bagaimanapun, pertimbangan akan diberi mengikut keadaan yang munasabah berdasarkan keperluan sesuatu persembahan.

7.4.8 Persembahan AT hendaklah tidak kurang daripada lima (5) hari setiap minggu dan waktu persembahan hendaklah antara jam 8.00 malam hingga 12.00 malam. Walau bagaimanapun, pertimbangan akan diberi mengikut tempoh waktu yang bersesuaian atas pertimbangan JK-PUSPAL.

7.4.9 Penganjur hendaklah mematuhi peraturan penggunaan ruang persembahan (*outlet*) seperti yang berikut:

- a. Satu Ruang Persembahan
 - i. Persembahan hendaklah dibuat secara bergilir-gilir antara AT dengan ALN;
 - ii. Sembilan puluh (90) hari persembahan ALN dan sembilan puluh (90) hari berikutnya adalah persembahan AT.
- b. Dua Ruang Persembahan
 - i. Salah satu ruang tersebut hendaklah diisi oleh AT manakala ruang yang satu lagi boleh diisi oleh ALN sepanjang tahun;
 - ii. Penggiliran persembahan antara AT dengan ALN bagi ruang persembahan di premis yang sama adalah dibenarkan.
- c. Tiga Ruang Persembahan
 - i. Salah satu ruang tersebut hendaklah diisi oleh AT sepanjang tahun manakala ruang yang satu lagi diisi oleh ALN sepanjang tahun;
 - ii. Ruang persembahan yang ketiga hendaklah diisi secara bergilir-gilir oleh AT selama sembilan puluh (90) hari dan diikuti oleh ALN selama sembilan puluh (90) hari.
- d. Lebih Daripada Tiga Ruang Persembahan
 - i. Dua ruang persembahan hendaklah diisi secara tetap oleh AT;

- ii. Ruang persembahan yang ketiga boleh diisi oleh ALN sepanjang tahun;
- iii. Ruang persembahan yang selebihnya diisi secara bergilir-gilir atau secara bergabung.

7.4.10 Perpindahan ALN

- a. ALN yang berpindah dari sebuah premis hiburan ke sebuah premis hiburan yang lain sama ada telah tamat kontrak atau ditamatkan kontrak atau menamatkan kontrak perlu melalui tempoh renggang selama tiga puluh (30) hari kecuali mendapat sokongan daripada JK-PUSPAL.
- b. ALN daripada bukan negara ASEAN yang membuat persembahan kurang daripada tiga (3) bulan boleh membuat persembahan di tempat yang lain tanpa melalui tempoh renggang dengan syarat berikut :
 - i. Memohon kelulusan JK-PUSPAL terlebih dahulu; dan
 - ii. Mendapatkan PLIK bagi tempoh baru yang hendak dibuat persembahan di Jabatan Imigresen Malaysia.

7.4.11 Pertukaran ALN dalam Kumpulan

Pertukaran ALN dibenarkan dengan syarat-syarat berikut :

- a. Tarikh tamat tempoh sama dengan kumpulan asal;
- b. Penganjur dibenarkan membuat pertukaran tidak lebih daripada dua (2) kali sahaja bagi setiap permohonan yang disokong; dan
- c. Penganjur hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada JK-PUSPAL sebab-sebab pertukaran beserta dokumen sokongan mengenai pertukaran tersebut.

D. PEMBATALAN KEPUTUSAN

1. JK-PUSPAL boleh membatalkan sesuatu keputusan atas sebab-sebab berikut:
 - 1.1 pelanggaran mana-mana syarat Garis Panduan oleh Penganjur/ALN;
 - 1.2 arahan daripada Pihak Berkuasa Tempatan;
 - 1.3 arahan daripada PDRM;
 - 1.4 arahan daripada Agensi Kerajaan yang mempunyai kuasa ke atas sesuatu persembahan;
 - 1.5 menyentuh perkara-perkara yang berkaitan kepentingan awam dan dasar negara;
 - 1.6 Menyentuh sensitiviti agama, budaya dan kaum.
2. Mana-mana pihak yang terjejas akibat mana-mana tindakan atau keputusan yang dibuat oleh JK-PUSPAL tidak berhak menuntut apa-apa ganti rugi atau pampasan daripada Kerajaan atau mengambil apa-apa tindakan perundangan ke atas Kerajaan.

E. PINDAAN

Tatacara Permohonan ini adalah tertakluk kepada apa-apa pindaan lanjut dari semasa ke semasa.